

# AL-HIKMAH

---

|              |           |                       |             |
|--------------|-----------|-----------------------|-------------|
| <b>Jilid</b> | <b>11</b> | <b>ISSN 1985-6822</b> | <b>2019</b> |
| <b>No.</b>   | <b>2</b>  |                       | <b>1441</b> |

---

- PROGRAM DAKWAH DALAM MEMANTAPKAN AKIDAH REMAJA OLEH INSTITUT PEMANTAPAN DAN PERKADERAN AKIDAH MALAYSIA (IPHAM)....3-19  
*Nor Azizah Mustapha, Fariza Md Sham, Ahmad Irdha Mokhtar*
- KEPENTINGAN ASPEK PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN DALAM DAKWAH TERHADAP MASYARAKAT ORANG ASLI.....20-36  
*Ismail Naim Abdullah, Abdul Ghafar Don*
- SENARIO PENDIDIKAN ISLAM DAN HALA TUJUNYA DALAM SISTEM PENDIDIKAN MALAYSIA.....37-53  
*Zainab Ismail, Wan Ibrahim Wan Ahmad, Salasih Hanin Hamjah, Rosmawati Mohamad Rasit, Hasanah Abd. Khafidz, Muhamad Faisal Ashaari*
- PERSEDIAAN KUALITI DIRI SISWA GURU PENDIDIKAN ISLAM MELALUI KONSEP 5 MIM DALAM PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF DI SEKOLAH.....54-67  
*Norliza Nor Hashim, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Ahmad Irdha Mokhtar.*
- PENDEKATAN DAKWAH JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH (JHEAINS) TERHADAP BANDUAN DI PENJARA SANDAKAN....68-87  
*Saifulazry Mokhtar, Kasoma Thia, Habibah Artini Ramlie*
- TAHAP KEPUASAN MUALLAF TERHADAP PENGURUSAN KELAS BIMBINGAN AGAMA ISLAM KELANTAN (MAIK).....88-98  
*Yasmoon Mohamed, Razaleigh Muhamat @ Kawangit*

## Persediaan Kualiti Siswa Guru Pendidikan Islam Melalui Konsep 5 MIM dalam Program Pendidikan Inklusif di sekolah

Preparation for Quality Teacher Training of Islamic Education  
Through the Concept Of 5 MIM in Inclusive  
Education Programme In Schools

NORLIZA NOR HASHIM  
RAZALEIGH MUHAMAT @KAWANGIT  
AHMAD IRDHA MOKHTAR

### ABSTRAK

Pendidikan merupakan satu wadah utama untuk pembangunan sesebuah negara. Pendidikan yang baik ialah pendidikan untuk semua dan merangkumi segala aspek yang diperlukan oleh setiap murid mengikut perbezaan murid. Program Pendidikan Khas telah mendapat sokongan Kementerian Pendidikan Malaysia seperti terkandung di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Murid berkeperluan khas boleh memilih satu daripada tiga opsyen persekolahan iaitu Sekolah Pendidikan Khas, Program Pendidikan Khas Integrasi dan Program Pendidikan Inklusif. Justeru, artikel jurnal ini bertujuan untuk menyahut saranan di dalam PPPM melalui Gelombang 1 (2013-2015), di mana kementerian berhasrat untuk menjadikan Pendidikan Khas sebagai mata pelajaran teras dalam sukatan pelajaran Institut Pendidikan Guru (IPG), bagi memastikan sumber guru dilengkapi dengan kemahiran asas dan kesedaran tentang keperluan murid berkeperluan khas. Kajian ini menyokong saranan PPPM, dengan memfokuskan kepada aspek-aspek yang perlu diberikan perhatian oleh bakal-bakal siswa guru yang akan terlibat dalam Program Pendidikan Inklusif, terutama dalam aspek persediaan dari sudut kualiti guru, yang akan memfokuskan kepada konsep 5MIM (*Mudarris, Muaddib, Murabbi, Mursyid* dan *Mu'llim*). Kajian konsep ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada siswa guru sebagai bakal guru Pendidikan Islam, khususnya yang akan mengajar untuk Program Pendidikan Inklusif di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

**Kata kunci:** *Kualiti Siswa Guru Pendidikan Islam, Program Pendidikan Inklusif, Konsep 5 MIM*

## ABSTRACT

Education is one of the main manifestos to develop a country. A good education is education for all and covers all aspects required by each student according to the dissimilarities of students. Special education programme has gained the support of the Ministry of education as stated in Malaysia Education Blue print (PPPM) 2013-2025. Students with special educational needs can choose one of three options for their education such as school of special education, Special education programme Integration, and Inclusive education programme. Thus, this journal article is intended to respond to the recommendations in the PPPM through Wave 1 (2013-2015), in which the Ministry intends to establish special education as a core subject in the syllabus of the Institute of Teacher Education (IPG), to ensure that the resources teachers will be equipped with basic skills and awareness of the needs to cater students with special educational needs. This study supports the recommendations of the PPPM, by focusing on the aspects needed to be given priority by the prospective student teachers will be involved in Inclusive education programme, especially in the aspect to formulate quality teacher, which will be focusing on the concept of 5MIM (*Mudarris, Muaddib, Murabbi, Mursyid and Mu'llim*). The study concept is expected to be as a guidance to teacher training as prospective teachers of Islamic education, in particular who will be teaching for the inclusive education programme in schools under the Ministry of Education Malaysia.

**Key words:** *Quality Teacher Training of Islamic Education, Inclusive Education Programme, the concept of 5MIM*

## PENGENALAN

Berdasarkan *Salamanca Statement and Framework for Action on Special Needs Education* (1994), dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013), kebanyakan sistem pendidikan berprestasi tinggi telah mengamalkan pendidikan inklusif untuk murid berkeperluan khas. Deklarasi ini menyatakan bahawa murid berkeperluan khas perlu mendapat akses kepada pendidikan arus perdana. Sekolah arus perdana yang mengamalkan persekitaran pendidikan inklusif yang berkesan, mampu mewujudkan komuniti yang lebih terbuka terhadap pendidikan khas dan membina masyarakat yang inklusif.

Profesion keguruan menuntut setiap siswa guru terutama di Institut Pendidikan (IPG), sentiasa berusaha untuk meningkatkan potensi dan kredibiliti diri dalam melahirkan guru yang kompeten dan berkualiti dari pelbagai aspek dan bidang keilmuan. Ini kerana di bahu merekalah terpeluknya satu tanggungjawab untuk melahirkan modal insan yang menjadi harapan agama, bangsa dan negara. Dalam menuju ke arah

mencapai hasrat dan matlamat ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memberikan tanggungjawab penuh kepada Institut Pendidikan Guru (IPG) untuk melatih siswa guru melalui Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian (PISMP) (KPM 2013). Melalui program-program yang telah dirancang di IPG, jelas menunjukkan bahawa siswa guru ini telah mendapat pendedahan yang lengkap dan sempurna dari sudut persediaan kualiti diri.

### SEJARAH PENDIDIKAN INKLUSIF

Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran 1979 melalui Perakuan 169 merupakan titik tolak yang membawa penekanan dan tumpuan terhadap perkembangan Pendidikan khas di Malaysia. Implikasi daripada Perakuan 169 ini, telah mewujudkan pelaksanaan pendidikan inklusif, yang memberi peluang pendidikan dan kerjaya untuk golongan orang kurang upaya dan pembentukan kurikulum yang fleksibel untuk golongan pendidikan khas (Mohd Zuri & Azman, 2013). Dalam perakuan menyebut bahawa:

*“Dengan adanya kesedaran bahawa kerajaan seharusnya bertanggungjawab terhadap pendidikan kanak-kanak cacat adalah diperakukan kerajaan hendaklah mengambil alih sepenuhnya tanggungjawab pendidikan itu dari pihak-pihak persatuan yang mengendalikannya pada masa ini. Di samping itu, penyertaan oleh badan-badan sukarela dalam memajukan pendidikan kanak-kanak khas hendaklah terus digalakkan.”*  
(Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006)

Di Malaysia, Program pendidikan inklusif terbahagi kepada tiga kategori, iaitu inklusif penuh, inklusif separa dan inklusif tempat. Pendidikan inklusif penuh bermaksud murid-murid khas akan mengikuti sesi pembelajaran di dalam kelas aliran perdana bersama murid-murid normal yang lain. Pendidikan inklusif separa bermaksud murid-murid khas mengikuti sesi pembelajaran di dalam kelas aliran perdana bersama murid-murid normal lain pada masa-masa tertentu sahaja. Manakala Pendidikan inklusif tempat bermaksud murid-murid khas belajar di dalam kelas khas bersama rakan-rakan mereka, yang juga murid-murid khas di sekolah aliran perdana (Mohd Zuri & Azman, 2013).

Kanak-kanak kurang upaya bukanlah dalam kelompok seragam, yang memerlukan satu penyelesaian masalah bagi semua masalah. Pihak terlibat terutama guru, perlu mencuba pelbagai strategi bagi mencari satu kaedah yang sesuai digunakan untuk pelajar di dalam kelas. Ini kerana

mereka mempunyai keupayaan berbeza, cara pembelajaran yang berbeza dan pada kadar yang berbeza. Oleh itu persekitaran tanpa kekangan, mesra pelajar dan inklusif harus disediakan di setiap sekolah dan masyarakat di seluruh dunia agar semua kanak-kanak dapat membentuk kemampuan akademik, sosial, emosi dan fizikal sepenuhnya (UKM: 2012)

Pendidikan inklusif adalah satu peluang pendidikan yang disediakan untuk murid-murid yang mempunyai pelbagai jenis kecacatan seperti bermasalah penglihatan atau bermasalah pendengaran yang belajar di dalam bilik darjah biasa bersama murid-murid yang sebaya dengan mereka. Murid-murid yang bermasalah pendengaran dan bermasalah penglihatan akan mengikuti kurikulum yang sama seperti murid-murid dalam aliran perdana. Tetapi perbezaan mereka dengan murid dalam aliran perdana ialah mereka diajar oleh guru menggunakan bahasa isyarat bagi yang bermasalah pendengaran dan bantuan alat optik atau Braille bagi murid yang bermasalah penglihatan dalam proses pengajaran dan pembelajaran sahaja (Mohd Zuri & Azman, 2013).

Selari dengan ini, Artikel 28 dalam Akta Orang Kurang Upaya (Akta 685, Undang-Undang Malaysia 2008), memperaku bahawa murid berkeperluan khas perlu diberi sokongan untuk membantu mereka mencapai “penglibatan penuh dan kesamarataan dalam pendidikan”. Berdasarkan amalan terbaik antarabangsa dan dasar negara semasa, Kementerian beriltizam menggalakkan lebih ramai murid berkeperluan khas terlibat ke dalam program pendidikan inklusif, dan meningkatkan kualiti penyediaannya secara keseluruhan. Untuk mencapai hasrat ini, Kementerian akan melaksanakan beberapa siri inisiatif bagi mencapai objektif ini dengan Gelombang 1 (2013-2015), memberi tumpuan kepada pengukuhan program sedia ada dan gelombang 2 (2016-2020), akan memberi tumpuan kepada peningkatan inisiatif, dan menambah jumlah pakar sedia ada bagi menangani pertambahan murid berkeperluan khas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Kementerian juga berhasrat untuk menjadikan pendidikan khas sebagai mata pelajaran teras dalam sukatan pelajaran Institut Pendidikan Guru (IPG), bagi memastikan sumber guru dilengkapi dengan kemahiran asas dan kesedaran tentang keperluan murid berkeperluan khas. Sebagai menyahut saranan dari Kementerian, IPG telah menawarkan subjek Pendidikan Inklusif kepada siswa guru Semester 4. Salah satu IPG yang bertanggung jawab mengendalikan kursus Pendidikan Inklusif ini, iaitu IPG Kampus Pendidikan Islam. Melalui subjek Pendidikan Inklusif ini, siswa guru akan diberi pendedahan dan pengukuhan dalam pelaksanaan Rancangan Pendidikan Individu (RPI) dan kurikulum untuk guru pendidikan khas merangkumi topik seperti pendekatan pedagogi, psikologi dan teknik mengendalikan murid berkeperluan khas.

## PERSEDIAAN KUALITI SISWA GURU DALAM PROFESION PERGURUAN

Siswa guru memainkan peranan penting dalam merealisasikan strategi Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan misi membangunkan sistem pendidikan bertaraf dunia serta menjadikannya sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di serantau. Berlandaskan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), terbinanya Falsafah Pendidikan Guru (FPG) yang memaparkan hala tuju, asas dan sumber inspirasi kepada matlamat pendidikan guru. Isi kandungan FPG seperti berikut (Soon Sang, 2012):

*“Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menyanjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin”*

Berdasarkan FPG, siswa guru hendaklah memahami tujuan utama pendidikan ialah untuk membentuk warga negara yang berilmu pengetahuan dan mulia sifatnya, setia, bertanggungjawab dan mematuhi prinsip-prinsip rukun negara, mempunyai pandangan yang progresif dan saintifik, menghormati warisan kebudayaan negara, berusaha membina aspirasi negara dan berusaha membina masyarakat yang bersatu, demokratik, progresif dan berdisiplin (Soon Sang, 2011). Matlamat pendidikan guru ialah menghasilkan guru yang berkualiti dari segi peribadi, profesional, sosial dan amalan tingkah laku.

Kelancaran pembangunan pendidikan di Malaysia khususnya bagi umat Islam diperkukuhkan lagi apabila mata pelajaran Pendidikan Islam tergolong sebagai salah satu subjek teras di peringkat sekolah rendah dan menengah. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mewujudkan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) untuk merealisasikan nilai dan ketinggian ilmu yang terdapat dalam ajaran Islam (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2011). Hasilnya Falsafah Pendidikan Islam (FPI) dibentuk dengan kenyataan (Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral 2002):

*“Pendidikan Islam adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Qu’ran dan Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba*

*Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan Negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.”*


Falsafah Pendidikan Islam ini secara jelas menjurus pembangunan dalam empat aspek yang utama iaitu menjadikan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai dasar dalam pembelajaran seumur hidup bagi mendapat ilmu, kemahiran dan penghayatan, membentuk umat Islam menjadi hamba Allah SWT yang mahir, keperibadian tinggi serta mempunyai pandangan semesta yang selari dengan ajaran Islam, membentuk umat Islam yang bertanggungjawab kepada diri, masyarakat dan alam sekitar dan membentuk insan soleh sehingga mencapai kejayaan dalam kehidupan di dunia dan akhirat (Kamarul Azmi Jasmi dan Ab. Halim Tamuri, 2011).

Selain dari FPK, FPG dan FPI, siswa guru perlu memantapkan persediaan diri mereka dengan Falsafah Pendidikan Khas (FPK). Isi kandungan FPK (Masnawi, 2013) :

*“Pendidikan Khas di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan untuk melahirkan insan yang berkemahiran, berhaluan, berupaya merancang dan menguruskan kehidupan serta menyedari potensi diri sendiri sebagai seorang individu dan ahli masyarakat yang seimbang dan produktif selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan”*

#### PERSEDIAAN KUALITI SISWA GURU MELALUI KONSEP 5 MIM

Terdapat lima konsep kualiti guru berasaskan 5 MIM yang akan ditekankan dalam perbincangan ini, iaitu *Mudarris*, *Muaddib*, *Murabbi*, *Mursyid* dan *Mu<sup>l</sup>lim*. Semua item ini, mempunyai perkaitan antara satu sama lain dan mempunyai hubungan dan peranannya masing-masing. (Ab. Halim, Muhamad Faiz, Kamarul Azmi, 2012). Kajian ini mengaitkan 5 MIM sebagai persediaan kepada siswa guru sebagai bakal guru Pendidikan Islam untuk kelas pendidikan inklusif yang berkualiti dan kompeten (Lihat Rajah 1).



Rajah 1 Guru Pendidikan Islam dalam Konsep 5 Mim

### ***Muaddib***

Konsep *taadib* merujuk kepada peranan guru di dalam bilik darjah untuk mengasuh, mendidik, membentuk, membimbing, menanam, menyuci, menitis dan menyuburkan akhlak mulia, disiplin, tingkah laku, sahsiah dan seluruh adab sopan dalam pembinaan dan pembangunan diri para pelajar. (Kamarul Azmi, 2011).

Seorang guru *Muaddib* berperanan membentuk nilai-nilai tingkah laku, nilai afektif dan nilai kognitif muridnya agar dapat dijadikan amalan dalam kehidupan seharian mereka. Antara sikap yang perlu diterapkan untuk mencapai hasrat ini iaitu mendidik muridnya agar bertingkah laku mulia, beradab, berakhlak, berdisiplin, berpekerti mulia, berintegriti dan seterusnya seorang *Muaddib* juga berperanan untuk membentuk murid atau anak didiknya memahami dan mengamalkan hidup berkawan, bersahabat, berjiran dan bermasyarakat, melibatkan kemahiran berinteraksi dan berkomunikasi, saling membantu dan bekerjasama ke arah kebaikan dan memahami serta menghormati orang lain (Shamsina dan Akhlar, 2015).

Namun menurut Rosnani (1997) melihat guru sebagai *Muaddib*, bertanggungjawab dalam menerapkan adab iaitu disiplin dalam pemikiran, fizikal dan rohani. Kewibawaan siswa guru sebagai bakal guru pendidikan Islam adalah sangat penting dalam usaha melaksanakan tugas mendidik secara lebih berkesan terutama dalam menghadapi murid-murid di kelas Pendidikan inklusif (Kamarul Azmi dan Ab. Halim, 2011). Ciri guru *muaddib* untuk persediaan kelas Pendidikan inklusif:



1. Merancang agihan masa sesuai dengan aktiviti langkah pengajaran.
2. Memberikan fokus kepada intonasi suara semasa melaksanakan pengajaran.
3. Menerapkan nilai-nilai murni semasa pengajaran dan pembelajaran.
4. Membuat penambahbaikan PdP setelah dikenalpasti melalui catatan refleksi.
5. Menunjukkan kesungguhan dalam melaksanakan tugas di sekolah.
6. Menunjukkan kesungguhan untuk mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Di sini jelaslah tugas guru *Muaddib* di dalam bilik darjah inklusif, ialah untuk mengasuh, mendidik, membentuk, membimbing, menanam, menyuci, menitis dan menyuburkan akhlak mulia, disiplin, tingkah laku, sahsiah dan seluruh adab sopan dalam pembinaan dan pembangunan diri murid (modal insan).

### ***Mu'allim***

Guru sebagai *mu'allim* merujuk seseorang yang menyampaikan ilmu pengetahuan serta kemahiran berdasarkan apa sahaja bentuk ilmu yang ada padanya sama ada ilmu fardhu ain atau ilmu fardhu kifayah. *Mu'allim* dalam konteks Pendidikan Islam merupakan individu guru yang menyampaikan ilmu-ilmu yang benar kerana ianya merupakan asas yang akan digunakan dan diamalkan oleh anak didik dalam menjalani kehidupan seharian dan selaras dengan peranan mereka sebagai hamba Allah di muka bumi. Dalam memenuhi hasrat ini, peranan seorang *mu'allim* akan menyampaikan ilmu berdasarkan kepada apa yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, sukatan kurikulum dan mengikut peraturan bilik darjah yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Konsep *ta'lim* merupakan suatu proses pemberitahuan, pengajaran, pemindahan, dan penyampaian maklumat dan ilmu pengetahuan daripada seorang guru kepada pelajarnya. Ilmu pengetahuan itu bersumberkan wahyu Allah SWT. Peranan guru dalam bilik darjah ialah untuk memberitahu, mengajar, memindah dan menyampaikan pelbagai maklumat disiplin dan ilmu pengetahuan kepada murid melalui latihan, arahan atau sebarang bentuk pengajaran yang dirancang. Mereka akan menyampaikan ilmu yang benar dan menjadi asas yang kuat kepada anak didiknya dalam menjalani kehidupan seharian dan selaras dengan peranan mereka sebagai khalifah Allah. (Kamarul Azmi dan Ab Halim, 2011) . Konsep *ta'lim* dalam al-Qur'an iaitu:

Firman Allah SWT (Al-Quran, al-Baqarah 2: 239):

فَإِنْ خِفْتُمْ فَرِجَالًا أَوْ رُكْبَانًا ۖ فَإِذَا أَمِنْتُمْ فَأَذْكُرُوا اللَّهَ ۚ كَمَا عَلَّمَكُم مَّا لَمْ تَكُونُوا تَعْلَمُونَ

*Maksudnya: “Jika kamu dalam keadaan takut (bahaya), maka salatlah sambil berjalan atau berkendaraan. Kemudian apabila kamu telah aman, maka sebutlah Allah (salatlah), sebagaimana Allah telah mengajarkan kepada kamu apa yang belum kamu ketahui.”*

Berdasarkan ayat, konsep ilmu yang sebenar adalah berpaksikan kebenaran, keimanan dan kepercayaan serta berfaedah untuk kegunaan diri sendiri dan masyarakat amnya. Kebenaran ilmu akan memimpin dan membimbing manusia mengenal hakikat kejadian, peranan sebagai hamba dan khalifah Allah serta mendekatkan diri kepada Allah SWT. Dalam kajian ini, *ta<sup>l</sup>im* merujuk kepada peranan guru dalam bilik darjah untuk memberitahu, mengajar, memindah dan menyampaikan pelbagai jenis maklumat, disiplin dan ilmu pengetahuan kepada para pelajar sama ada melalui latihan, arahan atau sebarang bentuk pengajaran. Ciri guru *mu<sup>l</sup>lim* untuk persediaan kelas Pendidikan inklusif :

1. Set induksi yang dilaksanakan berjaya perhatian murid.
2. Setiap langkah pengajaran di dalam Rancangan Pengajaran Individu (RPI) dapat dilaksanakan dengan berkesan.
3. Melaksanakan Elemen Merentas Kurikulum (EMK) pada langkah-langkah pengajaran
4. yang bersesuaian.
5. Semua objektif pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam RPI tercapai.
6. Membuat penulisan refleksi mengikut pencapaian murid secara individu.

### ***Murabbiy***

Siswa guru bertanggungjawab sebagai pengurus iaitu mengatur persekitaran bilik darjah yang kondusif dan tingkah laku murid, sentiasa berfikir untuk melakukan inovasi atau menghasilkan idea-idea baharu berkaitan kaedah dan teknik pembelajaran, seterusnya guru *Murabbi* akan

sentiasa mereflek amalan bekerjanya dan berusaha untuk menambahbaik amalan tersebut demi kejayaan dirinya serta murid-muridnya (Shamsina dan Akhiar, 2015 ). Peranannya juga termasuk menjaga, mencurahkan kasih sayang, mendidik, mengajar, menyubur dan memelihara fitrah murid serta membentuk bakat dan kebolehan yang wujud dalam diri mereka.

Guru *Murabbi* turut berperanan merealisasikan pembentukan dan pembangunan murid dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS) agar dapat melahirkan insan soleh yang berakhlak mulia menurut kacamata Islam. Seorang guru murabbi akan sentiasa berfikir dan mencipta inovasi baru terutama untuk meningkatkan kaedah dan teknik pengajarannya dari semasa ke semasa. Ciri guru *Murabbi* sebagai persediaan untuk kelas Pendidikan inklusif: (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2011)

1. Merancang set induksi yang menarik untuk pengenalan sebelum PdP.
2. Perancangan penerapan nilai murni sesuai dengan tajuk pelajaran.
3. Merancang latihan yang sesuai untuk menguji objektif dan pencapaian murid.
4. Penulisan refleksi banyak membantu menambahbaik PdP pada masa akan datang.
5. Berusaha membantu murid menguasai tajuk pelajaran yang dipelajari.
6. Menunjukkan sikap prihatin terhadap keperluan murid.

### ***Mudarris***

Konsep mudarris dalam kajian merujuk kepada ciri guru/ pengajar yang berkesan yang melibatkan aspek Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bermula dari persediaan mengajar, proses PdP dan penilaian sendiri. Aspek ini lebih bertumpu kepada tugas umum dan luaran PdP guru yang berkesan. *Mudarris* juga merujuk kepada ciri guru yang berkesan yang berusaha menyusun pengajarannya bermula daripada persediaan mengajar sehingga tamat proses PdP dalam ketetapan masa dan diakhiri dengan penilaian refleksi guru daripada keseluruhan pengajarannya untuk hari itu (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2011).

Konsep ini juga diasaskan kepada lahirnya guru cemerlang yang dinilai daripada lima aspek yang utama iaitu ciri-ciri peribadi yang dimiliki, kaedah pengajaran yang digunakan, kejayaannya mewujudkan iklim dan personaliti bilik darjah yang baik dan kondusif, mempunyai kepakaran serta mempunyai kecekapan dan berkemampuan membuat keputusan yang profesional. Ciri guru *Mudarris* sebagai persediaan untuk kelas Pendidikan Inklusif:

1. Merancang RPI berdasarkan sukatan pelajaran yang ditetapkan.
2. Merancang aktiviti yang menarik minat murid.
3. Merancang kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.
4. Merancang sumber pengajaran yang menarik minat murid.
5. Merancang penutup pengajaran yang sesuai dengan objektif dan tajuk pelajaran.
6. Membuat catatan refleksi dengan berkesan selepas PdP.
7. Peka terhadap persekitaran bilik darjah.

### ***Murshid***

Seorang *Mursyid* merupakan seorang guru yang telah sampai ke tahap menjadi pakar rujuk dan pemimpin pendidikan, berkeupayaan untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah pendidikan yang kemungkinan tidak semua dapat mengatasinya. Kekuatan yang terdapat dalam ciri guru *Mursyid* iaitu membudayakan dirinya untuk terus belajar, membuat penyelidikan, melaksanakan penambahbaikan pada ilmu dan amalannya serta meningkatkan darjah ketaqwaan kepada Allah. Jika dilihat dengan lebih jauh, seorang mursyid juga turut melaksanakan peranan sebagai *muzakkir*, *mubassyir*, *muballigh* serta dapat mencerminkan contoh teladan yang baik. (*uswatun wa qudwatun hasanah*) (Shamsina & Akhlar, 2015).

Ciri guru *Mursyid* dianggap sebagai pakar rujuk dalam bidangnya, pemimpin pendidikan, berupaya untuk membuat keputusan dan menyelesaikan masalah yang berlaku pendidikan terutama dalam membantu rakan sekerja. Ciri guru *Mursyid* sebagai persediaan kelas Pendidikan inklusif : (Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim, 2011).

1. Mengutamakan disiplin bilik darjah dalam pengurusan bilik darjah
2. Mengenal pasti kelemahan/ kekuatan PdP berdasarkan perancangan RPI
3. Kekuatan dalam mengawal emosi semasa menangani pelbagai situasi murid.
4. Berusaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam RPI mengikut prestasi perkembangan murid.
5. Bersikap profesional semasa berhadapan dengan murid dan ibu bapa kelas Pendidikan inklusif.

Berdasarkan ciri-ciri guru 5 MIM dalam kajian ini, menunjukkan terdapat bukti pelaksanaan PdP yang dicadangkan melalui ciri guru *Mudarris*, *Muaddib*, *Murabbi*, *Mursyid* dan *Mu'llim*. Ini membuktikan terdapatnya

persediaan yang mantap dari sudut kualiti diri siswa walau di mana pun kedudukan ciri mereka. Berdasarkan ciri-ciri ini juga dapat membuktikan bahawa siswa guru keluaran IPG, telah bersedia jika mereka dihantar untuk berkhidmat di sekolah yang mempunyai kelas pendidikan inklusif.

Walau bagaimanapun terdapat kriteria-kriteria istimewa lain yang perlu ada pada seorang guru Pendidikan Khas iaitu sabar, humor dan periang, berminat dan tidak putus asa, beriman, empati, prihatin dan pemurah, kasih sayang, puji, berpengetahuan, bersikap positif, mesra, menghormati, mengenali murid dan rela berkorban, rajin dan cekap, kreatif dan berbakat, aktif dan sihat, bertanggungjawab, jujur dan adil, tegas, tingkah laku lembut, amanah, berdisiplin, ikhlas, peka, cakna, bersopan santun, berfikiran terbuka, keyakinan yang tinggi, berdaya saing, berani mencuba, personaliti menarik, berjiwa kental, sedia menghadapi cabaran, sedia menghadapi teguran, bijak mengurus masa, berusaha mempertingkatkan diri dan bangga menjadi guru Pendidikan Khas (Razhiyah, 2008).

## KESIMPULAN

Cara mengajar murid pendidikan khas adalah berbeza. Apabila mengajar murid biasa, misi utama seseorang guru adalah menghabiskan sukatan pelajaran, manakala murid pendidikan khas perlu diberikan tumpuan, bukan isi kandungan pelajaran sahaja, malahan individu murid itu sendiri perlu dididik dan diberikan bimbingan. Isi kandungan pelajaran Rancangan Pengajaran Individu (RPI) yang dirancang dan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), perlu disesuaikan dengan tahap murid. Guru perlu memberi keutamaan pada kandungan yang memberi manfaat, praktikal dan berfungsi untuk murid.

Keunggulan ciri siswa guru seperti yang digariskan di dalam konsep 5 MIM melalui kajian ini, menunjukkan bahawa adalah penting bagi seseorang bakal pendidik dalam memiliki ketokohan memimpin, keperibadian mulia, bersifat kasih sayang, berjiwa luhur, sentiasa melaksanakan tanggungjawab membimbing dan memimpin anak didiknya dan sentiasa berusaha untuk melengkapkan dan memantapkan diri sebagai bakal pendidik yang profesional, berwibawa serta berintegriti. Sikap ini amat penting dalam merealisasikan apa yang dihasratkan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Falsafah Pendidikan Guru (FPG), Falsafah Pendidikan Islam (FPI) dan Falsafah Pendidikan Khas (FPK), dan seterusnya apa yang dihasratkan oleh kerajaan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Ini membuktikan keunggulan persediaan siswa guru keluaran IPG untuk menjadi seorang

pendidik yang berkualiti dan sentiasa kompeten dalam pelbagai aspek mengikut keperluan Kementerian Pendidikan Malaysia.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail, Kamarul Azmi Jasmi. 2012. *Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam*. GJAT. 2 (2): 53-62
- Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. 2002. *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah- Pendidikan Syariah Islamiah*. Selangor : Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2011. *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor Baru : Penerbit UTM Press.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010*. Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2013. *Buku Panduan Program Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian*. Institut Pendidikan Guru Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Masnawi Shamsudin. 2013. kumpulanppkisegamat.blogspot.com. {13 february 2019}.
- Mok Soon Sang. 2011. *Falsafah Pendidikan, Kurikulum dan Profesionalisme Keguruan*. Puchong : Penerbitan Multimedia Sdn Bhd.
- Mok Soon Sang. 2012. *Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*. Puchong : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Mohd Zuri Ghani dan Azman Che Ahmad. 2013. *Pengantar Pendidikan Khas*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. 2013. Putrajaya :Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Razhiyah, K.A. 2008. *Menjadi Guru Pendidikan Khas*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Rosnani Hashim. 1997. *The Conctruction of An Islamic-Based Teacher Education Programme, Muslim Education Quarterly*, 14 (2) 57-57.
- Shamsina Shamsuddin dan Akhiar Pardi. 2015. *Pedagogi Pendidikan Islam*. Bandar Baru Bangi : Pelangi Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Undang-undang Malaysia.2008. Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685). Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Norliza Nor Hashim  
Program Pengajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Selangor  
norliza\_norhashim@yahoo.com

Prof. Madya Dr. Razaleigh Muhamat Kawangit  
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam, UKM  
raza@ukm.edu.my

Dr. Ahmad Irdha Mokhtar  
Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam, UKM  
irdha@ukm.edu.my